

**BULETIN
INTEGRITI & GOVERNANS**

Januari 2023 | Jilid 2, Isu 1



**MEMBERI &
MENERIMA**

**BOLEH /
TIDAK ?**



Hadiah¹

Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh seseorang individu, isterinya atau mana-mana orang lain bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan atau balasan yang diketahui oleh seseorang individu itu mencukupi atau tidak.

Pemberian Hadiah yang Sukar Ditolak²

Terdapat beberapa situasi dimana kita sukar untuk menolak pemberian hadiah kerana akan memalukan pemberi hadiah atau menimbulkan keadaan serba salah sekiranya pemberian hadiah ditolak. Contohnya;

- i. Semasa menjalankan tugas awam di seminar, bengkel, kursus atau mana-mana majlis rasmi, pihak penganjur tidak memaklumkan tentang pemberian hadiah terlebih dahulu;
- ii. Semasa menjalankan tugas rasmi di daerah / kampung dimana masyarakat / pemimpin di peringkat daerah / kampung memberi buah-buahan, makanan dan hasil kerja tangan penduduk kampung dan sebagainya sebagai hadiah.


¹ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 – Para 4

² Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 – Para 9, 10, 11

Penerimaan Hadiah yang Menjadi Kesalahan³

Penerimaan hadiah, sama ada kurang, lebih atau sama nilainya adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang jika diterima dalam keadaan-keadaan seperti;

- i. Hadiah diterima atau diminta dengan niat rasuah dengan tujuan sebagai satu dorongan atau upah kepada seseorang individu itu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara atau perbuatan yang diminta⁴;
- ii. Orang yang memberi hadiah mempunyai hubungan dengan kerja-kerja individu yang ingin dirasuah serta pemberian hadiah tidak dibuat dengan suci hati sebaliknya mempunyai niat jenayah; atau
- iii. Hadiah diterima dengan niat jenayah yang telah diketahui niatnya sama ada sedang, akan atau mungkin berlaku.



Gifts are not favors. If you expect something in return, it's not a gift.

— Seth Godin —

³ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 – Para 12

⁴ Seksyen 9 & 10, Akta Pencegahan Rasuah 1997

Keputusan Ketua Jabatan (HOD)⁵

HOD mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sekiranya kakitangan di bawah seliaannya menerima hadiah daripada sumber yang dikenalpasti atau tidak. Hal ini bagi mengelakkan salah faham daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian, kakitangan disarankan untuk mendapatkan kebenaran daripada HOD sekiranya mempunyai sebarang keraguan. HOD boleh membuat keputusan seperti berikut;

- i. Membenarkan kakitangan menerima hadiah tersebut;
- ii. Mengarahkan kakitangan mengembalikan hadiah tersebut kepada pemberi;
- iii. Hadiah tersebut disimpan oleh Jabatan.

Syarat-Syarat Meluluskan Penerimaan Hadiah Oleh Warga Koop Sahabat⁶

Dalam situasi tertentu dimana kakitangan Koop Sahabat tidak mampu untuk menolak pemberian hadiah, permohonan kelulusan perlulah dikemukakan kepada HOD / Pengurusan Tertinggi (PT) melalui **Borang Kebenaran Terima Hadiah – (KS-JPS-SIG-POS-02/B02)**.

Semasa HOD menimbangkan sebarang permohonan dari kakitangan di bawah seliaannya untuk menerima hadiah yang dibenarkan hendaklah mengambil kira beberapa perkara iaitu:

- memastikan hadiah yang diterima adalah yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 1998.
- penerimaan hadiah itu tidak menimbulkan syak bahawa pegawai tersebut telah menggunakan kedudukannya atau kuasa yang ada padanya untuk memperolehi hadiah itu.
- mengambil kira kekerapan pegawai tersebut menerima hadiah sepanjang perkhidmatannya di tempat yang sama.
- hubungan antara pegawai dengan si pemberi hadiah tersebut, khususnya mengenai tugas-tugas dan kuasa yang ada kepada pegawai terbabit.
- kepentingan Koop Sahabat secara keseluruhan.

POLISI TIADA HADIAH KOOP SAHABAT

<https://koopsahabat.my/v2/integriti-governans-koop-sahabat/#1665462524420-507542b6-06bd>

Rujukan:

- 1) Akta Pencegahan Rasuah 1997
- 2) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998;
- 3) Prosedur Pemberian & Penerimaan Hadiah – (KS-JPS-SIG-POS-02)

Disediakan oleh;

Seksyen Integriti & Governans,
Jabatan Pengurusan Strategik (JPS)

⁵ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 – Para 13

⁶ Prosedur Pemberian & Penerimaan Hadiah - KS-JPPS-SIG-POS-02